

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

SAW200 - Teori Sosial

Masa: (3 jam)

Jawab Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. Pilih LAPAN daripada konsep-konsep berikut. Nyatakan tokoh-tokoh teori sosial yang biasa dikaitkan dengan konsep-konsep yang dipilih dan huraikan konsep-konsep ini secara ringkas:
- (a) Kesedaran kolektif
 - (b) Semangat kapitalisme
 - (c) Kewibawaan karismatik
 - (d) Ideologi
 - (e) Birokrasi
 - (f) Keberkecualian nilai
 - (g) Pengasingan ("alienation")
 - (h) Buruh bebas
 - (i) Ragam pengeluaran
 - (j) Status
 - (k) Kesepaduan organik
 - (l) Fakta sosial

[40%]

...2/-

Bahagian B

2. Durkheim dikatakan mengasaskan satu teori masyarakat perindustrian yang menolak analisis Marx mengenai masyarakat kapitalis. Apakah perbezaan utama di antara analisis mereka? Nilai analisis masing-masing berdasarkan pengalaman proses perindustrian di Malaysia?
[30%]

3. Marx menganalisis perkembangan masyarakat moden sebagai akibat daripada pergolakan yang terdiri daripada unsur-unsur konflik di dalam masyarakat feudal. Weber menganggap bahawa analisis ini kurang memadai. Mengapakah Weber beranggapan demikian, dan apakah analisis Weber tentang proses yang sama? Nilai perbezaan di antara dua analisis ini?
[30%]

4. Durkheim menganggap bahawa antropologi dan sosiologi mengkaji fakta sosial dan harus memberi penjelasan berdasarkan fakta sosial yang lain. Weber pula menganggap bahawa sosiologi dan antropologi mengkaji tindakan sosial dan harus memberi penjelasan yang bukan hanya bersifat berpada dari segi sebab-akibat tetapi juga dari segi makna. Huraikan perbezaan di antara dua pendekatan ini dan nilai dua pandangan ini. Berikan contoh-contoh yang relevan.
[30%]

5. Bilangan laporan jenayah kekerasan rumah tangga, khususnya terhadap kanak-kanak, telah meningkat baru-baru ini. Apakah sebab-sebab yang mungkin untuk peningkatan ini? Cadangkan penyelidikan yang sesuai untuk menyingkirkan sebab-sebab yang tidak kena-mengena dan penyelidikan untuk memastikan mana di antara sebab-sebab yang dicadangkan merupakan sebab sebenar.
[30%]

6. Weber mencadangkan bahawa selain daripada kelas, status juga merupakan unsur yang penting dalam menentukan kedudukan sosial seseorang. Huraikan perbezaan di antara dua konsep ini. Berdasarkan satu pertimbangan mengenai masyarakat petani ATAU masyarakat berbilang etnik, nilai cadangan ini.
[30%]